

Headline	Imbang pencapaian menyeluruh		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	08 Oct 2019	Circulation	140,000
Section	Nasional	Readership	420,000
Page No	9	ArticleSize	577 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 12,232
Journalist	NURUL HUDA HUSAIN	PR Value	RM 36,696
Frequency	Daily		



# Imbang pencapaian menyeluruh

**FAMA fokus perkukuh aspek dalaman dan luaran**

NURUL HUDA HUSAIN

KUALA LUMPUR

**M**enjangkau usia 54 tahun sebagai agensi penggerak utama petani dan usahawan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) terus mengorak langkah seiring dengan perkembangan semasa.

Ketua Pengaruhnya, Zainal Abidin Yang Razali berkata, hala tuju terkini agensi itu adalah untuk memperkuatkhan dua aspek utama iaitu dalaman dan luaran bagi mengimbangi pencapaian secara menyeluruh.

Menurutnya, antara perkara yang akan diberikan tumpuan bagi aspek dalaman adalah mempertingkatkan kekuatan kakitangan dengan melakukan penstrukturkan semula organisasi supaya selaras dengan matlamat dan pelan yang digariskan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

"Bagi aspek luaran pula, kita akan fokus kepada perkembangan semasa, sebagai contoh kita sedang memperkuatkhan pemasaran produk usahawan secara digital atau atas talian selain turut memberikan kursus-kursus kepada mereka.

"Jadi, dua perkara inilah yang saya akan berikan tumpuan bagi menjayakan hala tuju FAMA selepas 54 tahun supaya fungsi dan peranannya terus ditingkatkan," kata anak kelahiran Kampung Temong, Kuala Kangsar, Perak itu kepada *Sinar Harian*.



ZAINAL ABIDIN

Mengulas lanjut, Zainal Abidin yang baru meneraju agensi itu kira-kira sebulan lalu berkata, ketika ini usaha memperkuatkhan portal AgroBazaar Online giat dilakukan bagi memenuhi pemasaran atas talian yang semakin menjadi pilihan ramai.

Katanya, ketika ini pengguna tidak perlui lagi bersesak-sesak untuk membeli barang keluaran usahawan FAMA kerana hanya menerima pesanan atas talian mereka hanya menunggu barang sampai ke rumah atau tempat yang diinginkan.

"Meskipun begitu, 3,000 outlet atau tapak jualan kekal di bawah FAMA termasuk Pasar Tani, AgroBazaar dan lain-lain terus diperkuatkhan dari semasa ke semasa," katanya.

Menurutnya, FAMA turut menghantar seramai 40 kakitangan untuk menjalani latihan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi membolehkan mereka memberikan penerangan kepada usahawan mengenai kepentingan mem-

peroleh sijil halal.

"Selaras dengan matlamat terkini, kita mahukan semua usahawan khususnya yang mengeluarkan produk makanan memiliki sijil halal bagi membolehkan produk-produk itu dipasarkan dengan lebih meluas termasuklah dieksport ke luar negara," katanya.

Menurutnya, jika dahulu fungsi dan peranan FAMA lebih tertumpu kepada usaha untuk membantu petani dan usahawan tetapi kini diperluas termasuk bagaimana peranan yang dimainkan

agensi itu untuk membantu pengguna.

"Jadi, atas sebab itu juga kita terus membina hubungan dengan pelbagai agensi lain supaya setiap pelaksanaan yang bakal dibuat untuk meningkatkan lagi pendapatan usahawan dan petani akan terlaksana," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai harapan beliau terhadap FAMA, Zainal Abidin berkata, beliau mahu agensi itu terus berkembang dan bersemarak lagi untuk memastikan petani serta usahawan lebih berdaya saing.



Ishak (duduk, tengah) dan Zainal Abidin (duduk, dua dari kanan) serta warga FAMA menyambut ulang tahun ke-54 agensi itu di Bangunan FAMA, Selayang semalam.



Ishak (dua dari kiri) menyempurnakan gimik perasmian Sambutan Ulang Tahun FAMA Ke-54 di Bangunan FAMA, Selayang semalam.